

PEPERIKSAAN AKHIR

Semester	:	JANUARY 2026 SEMESTER
Nama Program	:	DIPLOMA IN COMPUTER SCIENCE DIPLOMA IN LOGISTICS MANAGEMENT DIPLOMA IN ELECTRICAL & ELECTRONICS ENGINEERING TECHNOLOGY MICRO-AWARD IN DIPLOMA IN COMPUTER SCIENCE
Kod & Name Kursus	:	MPU2213 BAHASA KEBANGSAAN A MPU2213 MICROCREDENTIAL IN BAHASA KEBANGSAAN A
Masa	:	3 JAM

ARAHAN KEPADA CALON:

1. Sila baca arahan yang diberikan dalam kertas soalan dengan teliti.
2. Kertas soalan ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan sahaja.
3. Sila jawab kesemua soalan.
4. Sila jawab soalan di dalam kertas jawapan peperiksaan yang disediakan.
5. Kamus elektronik, nota, fail atau sebarang bahan kecuali alat penulisan adalah dilarang.

Kertas soalan ini mestilah dihantar bersama-sama dengan semua kertas kasar yang telah digunakan/tidak digunakan serta kertas graf (jika ada). Calon **DILARANG** membawa sebarang bahan peperiksaan keluar dari dewan peperiksaan.

AMARAN:

Lembaga Peperiksaan Kolej Peninsula, Georgetown menganggap tindakan meniru sebagai satu kesalahan yang paling serius dan tidak akan teragak-agak untuk mengenakan hukuman yang berat keatas kesalahan yang dilakukan. Ini seiring dengan klausa yang telah ditetapkan di dalam Buku Panduan Pelajar termasuklah mengambil tindakan memberhentikan pelajar dari Kolej Peninsula, Georgetown.

(Kertas jawapan ini mengandungi 3 halaman yang bercetak termasuklah halaman ini)

**DILARANG MEMBUKA KERTAS JAWAPAN INI SEHINGGA DIBENARKAN
BERBUAT DEMIKIAN**

Jawab **SEMUA** soalan dalam buku jawapan yang disediakan.

[100 markah]

1. a) Nyatakan **LIMA (5)** alat sebutan manusia yang terlibat dalam menghasilkan bunyi bahasa. (5 markah)
- b) Senaraikan **LIMA (5)** contoh perkataan yang menggunakan diftong dan bina satu ayat bagi setiap perkataan tersebut untuk menunjukkan penggunaannya yang betul. (10 markah)
- c) Suku kata dihasilkan oleh sekurang-kurangnya satu huruf vokal atau gabungan vokal dan konsonan. Berikan **LIMA (5)** contoh perkataan yang mempunyai bilangan suku kata yang berbeza dan tunjukkan pembahagiannya. (10 markah)
- Jumlah: [25 markah]

2. a) Nyatakan **LIMA (5)** contoh kata adjektif perasaan. (5 markah)
- b) Kata tugas ialah golongan kata yang mempunyai tugas-tugas tertentu dalam binaan sesuatu frasa atau ayat. Lengkapkan tempat kosong dengan jawapan yang sesuai. (10 markah)

	Jenis kata tugas	Tugas	Contoh kata
i)	-----	Menunjukkan ragam kata kerja sama ada sudah, belum, bakal atau sedang dibuat	akan
ii)	Penafi	-----	tidak
iii)	Penegas	Menegaskan sesuatu	-----
iv)	-----	Menyuruh sesuatu sama ada secara keras atau lembut	silalah
v)	-----	Melahirkan perasaan	wah
vi)	Penguat	Menguatkan lagi sesuatu kata atau keadaan	-----
vii)	Tanya	Bertanyakan sesuatu	-----
viii)	Hubung	Menghubungkan bahagian-bahagian dalam ayat	-----
ix)	-----	Menyatakan bilangan sesuatu	ramai
x)	Arah	Menunjukkan arah	-----

- c) Senaraikan **LIMA (5)** kata sendi nama. Kemudian, bina satu ayat yang sesuai bagi setiap kata sendi nama tersebut. (10 markah)
- Jumlah: [25 markah]
3. a) Nyatakan **LIMA (5)** bentuk puisi tradisional yang terdapat dalam kesusasteraan Melayu. (5 markah)

- b) Berikan maksud bagi **LIMA (5)** gaya bahasa di bawah beserta satu contoh yang sesuai bagi setiap satu. (10 markah)
- i) Metafora
 - ii) Hiperbola
 - iii) Personafikasi
 - iv) Simile
 - iv) Asonansi
- c) Terangkan **LIMA (5)** perbezaan antara pantun dan syair dari segi struktur dan rima akhir. (10 markah)
Jumlah: [25 markah]
4. a) Senaraikan **LIMA (5)** komponen penting yang terdapat dalam format surat kiriman rasmi. (5 markah)
- b) Anda merupakan Setiausaha Kelab Bahasa Melayu di Kolej Peninsula Georgetown. Kelab tersebut bercadang untuk mengadakan lawatan sambil belajar ke Dewan Bahasa dan Pustaka bagi meningkatkan pengetahuan ahli kelab tentang bahasa dan kesusasteraan Melayu. Sebagai setiausaha kelab, anda diminta menulis sepucuk surat kiriman rasmi kepada pihak Dewan Bahasa dan Pustaka untuk memohon kebenaran mengadakan lawatan tersebut. (20 markah)
Jumlah: [25 markah]

- KERTAS SOALAN TAMAT -